

Islam Anjurkan Hidup Harmoni

[Artikel yang telah disunting telah disiarkan dalam Berita Harian 31 Mac 2017]

☒ Tokoh sarjana terkenal dari Amerika Syarikat, Sheikh Dr. Umar Faruq Abd-Allah ketika bercakap di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dalam satu Syarahan Perdana berjudul “Kenapa Agama itu Penting” (*Why Religion Matters*) telah menegaskan betapa tanpa agama, dunia ini akan menjadi rosak dan huru-hara. Program yang dihadiri oleh seramai lebih 300 orang peserta dalam dan luar negeri itu telah diadakan di Dewan Besar IKIM, dan radio IKIMfm bertindak sebagai radio rasmi. Beliau berkata, hal ini terpakai bukan sahaja untuk agama Islam, bahkan semua pemuka agama-agama lain juga menerima bahawa tanpa agama, manusia akan musnah dan tidak akan mampu hidup dalam keadaan aman dan damai dalam sebuah masyarakat. Oleh kerana itu kita dapati dalam ajaran Islam begitu amat menitikberatkan tentang kepentingan agama ini sepertimana yang digariskan oleh Maqasid Syariah (matlamat Syariat). Matlamat Syariat dalam kategori Daruriyat melibatkan 5 perkara, iaitu menjaga agama (*din*), menjaga diri (*nafs*), menjaga keturunan (*nasl*), menjaga harta (*mal*) dan menjaga akal, dan sesetengah ulama menambah satu lagi iaitu menjaga maruah.

Apabila disebut menjaga agama, para ulama Islam silam melihat bahawa kepentingan menjaga agama ini bukan hanya terhadap kepada agama Islam sahaja, tetapi juga kepada agama-agama lain bagi penganut agama tersebut. Namun, sudah pasti bagi penganut agama Islam, kita merasakan bahawa menjaga Islamlah yang paling utama. Ajaran Islam juga ujarinya lagi, tidak pernah memaksa penganut agama-agama lain untuk menganut agama Islam, atau berniat menghapuskan ajaran-ajaran lain. Dalam menjaga diri pula, Dr Umar menegaskan betapa ajaran Islam amat menghormati jiwa dan mementingkan menjaga nyawa. Lantaran itu, terorisme atau keganasan merupakan suatu dosa besar dalam Islam kerana ianya salah satu bentuk *hirabah* (rompakan) yang bukan sahaja khusus melibatkan harta benda, tetapi juga nyawa.

Seterusnya matlamat Syariat juga ialah menjaga nasab keturunan di mana agar setiap orang yang dilahirkan itu tahu siapa ibubapa mereka. Suatu kesengsaraan dan penyeksaan jiwa kepada mereka yang tidak tahu siapa ibubapa mereka seperti mana yang berlaku di Amerika Syarikat apabila ramai anak luar nikah yang dilahirkan yang tidak diketahui siapa bapa mereka. Akhir sekali matlamat Syariat juga, bagi sesetengah ulama memasukkan aspek menjaga kehormatan. Kehormatan ini bukan tertentu untuk orang Islam sahaja, tetapi juga kepada orang bukan Islam. Adalah menjadi kesalahan dalam Islam jika orang Islam memanggil orang bukan Islam dengan panggilan mengejek “wahai si kafir” kerana ia dikira menghina dan menjatuhkan kehormatan mereka, dan ia boleh didakwa di Mahkamah Islam. Begitu tinggi sekali ajaran Islam letakkan terhadap menjaga kehormatan yang turut merangkumi kehormatan kepada orang-orang bukan Islam juga. Ajaran Islam di mana sahaja ia masuk samada di Asia Tengah, di China, di India di Indonesia atau rantau Nusantara ini tidak pernah memaksa penganut agama lain untuk menganut ajaran Islam. Islam amat menghormati agama-agama lain dan seringkali mengajak penganut apa jua agama untuk sama-sama hidup dalam keadaan aman damai dan saling menghormati antara

satu sama lain.

Apa yang berlaku ialah lama kelamaan hasil akhlak baik yang ditunjukkan oleh umat Islam ketika berinterak dengan orang bukan Islam telah menyebabkan sedikit demi sedikit penganut ajaran bukan Islam itu berpindah kepada ajaran Islam. Proses ini mengambil masa yang lama dan ianya terbit hasil daripada pergaulan lama orang bukan Islam dengan masyarakat Islam. Ajaran Islam merupakan ajaran yang bertoleransi dalam erti kata bersedia menerima hakikat bahawa ajaran Islam itu memiliki perbezaan asas dan pokok dengan ajaran yang selainnya, dan oleh kerana itu hendaklah saling menghormati satu sama lain dan jangan memaksa penganut agama lain menganut Islam.

Kita harus akui bahawa setiap penganut agama akan merasakan bahawa agama merekalah agama yang paling benar, dan itulah hakikatnya jika tidak, masakan mereka menganut agama tersebut. Beliau turut menarik perhatian buku berjudul *"The Arts of Intimacy: Christians, Jews, and Muslims in the Making of Castilian Culture"* karangan Jerrilyn D. Dodds yang menceritakan tentang suasana hidup umat Islam bersama penganut agama Kristian dan Yahudi di Toledo Sepanyol pada kurun ke-11 dahulu. Andaian atau idealisme agar setiap penganut agama yang berbeza itu hidup berkasih sayang antara satu sama lain dalam sesebuah komuniti masyarakat mungkin merupakan suatu yang ideal tetapi hampir mustahil untuk direalisasikan, dan memadai jika kita dapat berharap agar setiap kita mampu hidup dalam keadaan harmoni, rukun damai dan saling menghormati antara satu sama lain. Itulah suasana yang wujud di Toledo pada masa itu di mana masyarakat hidup dalam aman damai dan harmoni walaupun masing-masing berbangga dengan ajaran agama masing-masing.

Islam Itu Agama Rahmat

[Rencana di bawah ini telah telah disunting untuk siaran dalam akhbar Berita Harian bertarikh 17 Mac 2017 dengan tajuk "Sifat Rahmah Penuhi Hak Semua Makhluk"]

✘ Sheik Dr. Umar Faruq Abd-Allah, seorang tokoh ilmuwan dari Yayasan Imam Nawawi, Chicago Amerika Syarikat ketika bersiaran dalam rancangan Topik Jumaat di radio IKIMfm telah bercakap tentang "Islam itu Agama Rahmat dan Berakhlak Baik". Beliau berada di Malaysia dalam rangka menyertai program "Reviving the Islamic Tradition" anjuran YADIM dan Al-Naqiy Solutions yang diadakan pada 4-5 Mac 2017 yang telah dihadiri oleh lebih 3000 orang peserta. Beliau menjelaskan bahawa perkataan "rahmah" yang diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai "mercy" seringkali sekadar membawa makna "kemaafan", sedangkan "rahmah" itu bukan sekadar kemaafan tetapi lebih daripada itu. Rahmah bermaksud memberikan setiap sesuatu apa yang mereka berhak mendapatkannya samada terhadap manusia, haiwan dan sekalian makhluknya.

“Allah SWT memberikan manusia di bumi, ikan di laut dan singa di hutan apa yang perlu bagi mereka untuk hidup di bumi, dalam lautan dan di hutan belantara, berdasarkan rahmatNya”.

Dalam sebuah perkahwinan yang sempurna di sana ada “mawaddah” dan “rahmah” di mana mawaddah membawa maksud “kasih sayang melindungi” sepertimana kasih sayang seorang ibu yang ingin melindungi anaknya, manakala rahmah pula membawa maksud pasangan itu bersedia memberi kemaafan kepada pasangannya atas segala kelemahan dan kekurangan yang dimiliki, dan dalam masa yang sama bersedia untuk memberikan apa sahaja bagi menyempurna dan melengkapkan kesempurnaan pasangannya menjadi seratus peratus. Rahmah ialah sifat Allah SWT sebagai Sang Pencipta yang dianugerahkan kepada makhluk untuk menjadi apa yang sepatutnya mereka berfungsi.

Adapun apabila kita bercakap tentang “kasih sayang”, ia membawa maksud yang pelbagai dan mempunyai banyak jenis antaranya “mawaddah”. Mawaddah dalam sebuah perkahwinan misalnya adalah salah satu bentuk kasih sayang yang bukan semata menzahirkan cinta antara dua insan, tetapi juga mengambil berat akan kebajikan pasangannya. Sebagai contoh, jika isteri mendapati suaminya seorang yang menghisap rokok, maka mawaddah menuntut isteri agar menasihati suaminya berhenti merokok kerana ia memudaratkan kesihatan pasangannya. Mawaddah bagi seorang doktor ialah dia akan bertungkus lumus memastikan pesakitnya mendapat rawatan yang terbaik dan cuba menyembuhkan penyakitnya. Mawaddah bagi ibubapa pula ialah mereka berjaga malam, bangun di dinihari bagi memberikan susu dan keperluan untuk anak kecilnya yang menangis, menukar lampinnya dan lain-lain. Mawaddah ini adalah bentuk kasih sayang yang bersifat praktikal. Jenis kasih sayang yang seterusnya ialah “mahabbah”. Mahabbah pula membawa maksud kebersamaan sepertimana biji dan isi yang bersama bagi sebuah buah. Mahabbah juga dikira tingkatan tertinggi bagi jalan kerohanian iaitu “cinta kepada Allah” di mana ia akan muncul setelah seseorang itu melalui proses yang lama diuji dengan pelbagai ujian dan proses penyucian rohani sehingga mencapai marifah atau ilmu mengenai Allah. Dr Umar turut mengungkapkan pesanan Sultan al-Awliya Sheikh Abdul Qadir al-Jilani yang mengungkapkan agar “jangan kamu lari daripada musibah kerana ia mengandungi kebaikan yang banyak”. Benar kata-kata ini kerana jika diimbau betapa Baginda SAW sendiri diuji sejak daripada kecil lagi. Baginda SAW kematian ayahanda dan bondanya sejak kecil lagi. Kemudian datuknya meninggal, bapa saudaranya dan begitu juga isterinya tercinta Sayyidatina Khadijah RA ketika beliau sedang bertungkus lumus memperjuangkan Islam. Baginda SAW terus menerus diuji oleh Allah SWT dalam setiap saat kehidupan Baginda SAW termasuk cubaan dibunuh, peperangan dan lain-lain. Namun ujian dan musibah yang menimpa Baginda SAW itu telah mendidik, mematangkan Baginda SAW sehingga Baginda SAW menjadi utusan Allah atau Rasulullah yang ulung dan hebat.

✘ Apabila seseorang itu kenal Allah SWT dengan sebenar-benarnya, maka sudah pasti dia akan mencintai Allah SWT kerana mana mungkin orang yang kenal Allah SWT tidak mencintai Allah. Kecintaan itulah dinamakan Mahabbah. Kalimah seterusnya ialah “salam” pula membawa maksud kesempurnaan, keberadaan dalam keadaan aman dan selamat. Salah satu nama Syurga dinamakan “Al-Salam” kerana segalanya dalam syurga adalah sempurna. Cuma apabila kita bercakap tentang

“aman” ia bukan sekadar berlawanan dengan “peperangan” atau huru hara, tetapi ia lebih luas daripada itu. Salah satu nama Allah SWT juga “al-Salam” yang selain membawa maksud selamat, ia juga membawa maksud kesempurnaan dalam serba serbi tanpa sebarang cacat cela. Allah SWT lah yang memberi keamanan, keselamatan dan kedamaian kepada sekalian makhluknya.

Dr Umar turut mengingatkan bahawa tempat manusia yang sebenarnya adalah Syurga dan sekalian taman-tamannya. Adapun dunia ini, ia merupakan syurga atau taman-taman bagi haiwan yang melata dan sepatutnya manusia tidak berbuat sesuka hati di atas mukabumi hingga mencabuli kedamaian dan keharmonian haiwan-haiwan. Lantaran itulah dalam buku-buku fekah Islam ada menyebut tentang bagaimana sepatutnya berinteraksi dengan makluk-makluk lain agar hak-hak mereka turut dipelihara. Islam terlebih dahulu menjuarai “animal rights” atau pejuang alam sekitar mendahului masyarakat Barat.